



## KENYATAAN TENDER

### CADANGAN PELAWAAN TENDER BAGI MELANTIK KONTRAKTOR UNTUK PEROLEHAN ENAM ( 6 ) EKOR KUDA UNTUK BAHAGIAN PENGUAT KUASA PERBADANAN PUTRAJAYA (NO. TENDER : PPJ/T/JP/30/2023)

1. Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor/Syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini, serta keupayaan teknikal dan kewangan yang mencukupi bagi melaksanakan projek tersebut di atas.
2. Tender serta kelayakan asas Kontraktor/Syarikat adalah seperti berikut:

SYARAT MEMASUKI TENDER	TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT / LAWATAN TAPAK	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN MULA DIJUAL	HARGA DOKUMEN, BENTUK BAYARAN & BAYARAN ATAS NAMA	TARIKH, WAKTU & TEMPAT TENDER TUTUP
<p>Berdaftar dengan <b>Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)</b> di bawah Kod Bidang <b>070202 (Haiwan Ternakan, Bukan Ternakan Dan Akuatik)</b></p> <p>Dan <b>070303 (Peralatan Dan Kelengkapan Pertanian/ Ternakan/ Akuatik)</b></p>	<p><b>2 Oktober 2023 (Isnin)</b> <b>10.00 pagi</b></p> <p><b>Bilik Taklimat Penguat Kuasa, Aras 4, Blok B, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, Wilayah Persekutuan Putrajaya</b></p>	<p><b>2 Oktober 2023 (Isnin)</b> sehingga</p> <p><b>13 Oktober 2023 (Jumaat)</b> Kaunter Jualan Tender/Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya</p>	<p>Ringgit Malaysia <b>RM50.00</b> (Tidak dikembalikan)</p> <p><b>Tunai / Deraf Bank</b> Perbadanan Putrajaya</p>	<p><b>23 Oktober 2023 (Isnin)</b> <b>12.00 tengah hari</b></p> <p>Kaunter Jualan Tender/Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya</p>

3. Dokumen Meja Tender boleh disemak dan Dokumen Tender boleh diperolehi di pejabat tersebut pada waktu pejabat.
4. Taklimat tender akan diadakan pada **2 Oktober 2023 (Isnin), 10.00 pagi** di **Bilik Taklimat Penguat Kuasa, Aras 4, Blok B, Kompleks Perbadanan Putrajaya**. Kehadiran individu yang diberi kuasa oleh syarikat bagi urusan perolehan Kerajaan sepertimana dalam Sijil Akuan Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia adalah **DIWAJIBKAN**. Sila bawa bersama **Sijil Akuan Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia dan Cap Syarikat**.
5. Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada Kontraktor/Syarikat yang menghadiri taklimat tersebut dan hanya wakil Kontraktor/Syarikat yang sah sahaja dibenarkan untuk mengambil dokumen. Wakil Kontraktor/Syarikat juga hendaklah membawa **Surat Wakil Kuasa (Asal)** yang ditandatangani individu yang diberi kuasa dalam **Sijil Kementerian Kewangan Malaysia dan satu (1) salinan Sijil Akuan Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia**.
6. Tender ini akan ditutup pada **23 Oktober 2023** bersamaan hari **Isnin, jam 12.00 tengah hari**. Dokumen Tender yang dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul dan bertutup sempurna serta dicatatkan tajuk dan nombor tender dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender yang dikhaskan di tempat dan sebelum waktu yang ditetapkan seperti di atas.
7. Kontraktor/Syarikat hendaklah menanggung sendiri segala perbelanjaan yang berkaitan dengan urusan tender ini. Pembayaran secara cek persendirian untuk Dokumen Tender tidak akan diterima. Bayaran Dokumen Tender tidak akan dikembalikan. Kontraktor/Syarikat yang berurusan di kaunter jualan dikehendaki mematuhi S.O.P. yang telah ditetapkan.